

Rabu, Apr 04 2018

98 peratus urus niaga dikawal kartel

KUALA LUMPUR 3 April - Hampir 98 peratus urus niaga yang melibatkan pengeluaran barang mentah di negara ini dipengaruhi kartel atau orang tengah berikutan nelayan dan petani adalah golongan yang sering mengalami masalah kewangan.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, kegiatan itu telah lama berlaku sehingga menjadi budaya masyarakat setempat khususnya golongan nelayan.

Malah katanya, kegiatan kar-

tel paling banyak berlaku di kawasan pendaratan ikan kerana nelayan sering meminjam wang bagi membaiki bot dan peralatan menangkap ikan yang mudah rosak.



NADZIM JOHAN

“Kartel wujud kerana peraih terpaksa meminjam duit daripada orang tengah yang juga tauke. Apabila mereka pinjam, maka hasil perlu dijual kepada golongan itu sahaja.

“Bukan hanya nelayan yang terlibat tetapi perkara ini turut berlaku kepada golongan petani dan jualan padi,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini

hari ini.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyatakan kenaikan harga barang bukan disebabkan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sejak 1 April 2015 tetapi peranan kegiatan kartel atau orang tengah.

Nadzim berkata, kerajaan seharusnya memainkan peranan dan mengambil inisiatif sewajarnya bagi mengelakkan peraih dan petani berhadapan masalah kewangan yang menyebabkan wujudnya kartel.

Jelas beliau, kerajaan juga perlu sentiasa memantau kewujudan orang tengah yang sering mengumpukan petani serta nelayan dengan tawaran pinjaman kewangan.